



**PEJABAT DAERAH DAN TANAH BANDAR BAHARU
09800 SERDANG
KEDAH DARUL AMAN
Tel: 04-7029177**

KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga ini adalah dipelawa kepada Syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berdaftar sebagai syarikat Bumiputera dengan pendaftaran masih sah laku tempohnya adalah dipelawa untyuk perkhidmatan seperti berikut:-

BIL/TAJUK SEBUTHARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	PENDAFTARAN /TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP SEBUTHARGA
SEBUTHARGA BAGI PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN PEJABAT DAERAH DAN TANAH BANDAR BAHARU BAGI TEMPOH 01 JANUARI 2023 HINGGA 31 DISEMBER 2023	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang 221001 dan berdaftar sebagai syarikat Bumiputera	TIADA LAWATAN TAPAK	Tarikh Buka 28 November 2022 (Isnin) Tarikh Tutup 12.00 Tengah hari 4 Disember 2022 (Ahad) Harga Dokumen RM10.00 senaskah. Bayaran ini tidak akan dikembalikan


2. Syarikat yang berminat, **hendaklah membuat PERAKUAN menyertai Sebutharga di Sistem iDAFTAR (<https://idaftar.kedah.gov.my>) dan menjelaskan bayaran secara atas talian** mengikut No. Sebutharga iaitu **PDTBB/SH/K/02/2022** bagi jumlah RM10.00 sebelum dokumen softcopy Sebutharga dikemukakan kepada syarikat. Urusan penjualan dokumen Sebutharga dibuka **sepanjang masa setiap hari kecuali pada jam 12.00 tengah malam hingga 12.30 pagi** bagi penyelenggaraan transaksi elektronik pihak bank.

3. Syarikat dikehendaki menyemak No. Siri Kawalan Dokumen yang diberikan melalui Sistem iDAFTAR dan melengkapkan No. Siri Kawalan Dokumen pada setiap halaman muka depan Dokumen Sebutharga pada ruangan kotak yang disediakan. Kegagalan ini boleh mengakibatkan dokumen ditolak.
4. Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi, dicetak dan disahkan, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dicatat No. Sebutharga **PDTBB/SH/K/02/2022** serta tajuk sebutharga pada sebelah kiri sampul dengan terang dan jelas dan **dimasukkan terus ke dalam peti tawaran Sebutharga** yang disediakan di **Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu, Kedah Darul Aman** dan dialamatkan kepada **Pegawai Daerah Bandar Baharu, Pejabat Daerah dan Tanah Bandar Baharu , 09800 Serdang Kedah Darul Aman.**
5. **Syarikat boleh menggunakan perkhidmatan kurier** untuk penghantaran sebutharga. Syarikat dikehendaki memastikan sendiri bahawa dokumen selamat dihantar dan dimasukkan ke Peti Sebutharga yang disediakan oleh dengan agen perkhidmatan kurier dalam masa ditetapkan. **Kerajaan tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat.**
6. PIHAK KERAJAAN tidak akan terikat untuk menerima tawaran terendah sekali dari mana-mana tawaran. Sebarang pertanyaan, sila hubungi urusetia perolehan di talian **04-7029177/ 9168 (Puan Noorulfarah bt Kamaruddin Afifi).**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“KEDAH SEJAHTERA- NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD FAUZUL FITRI BIN DATO' HAJI ABD RAHMAN, BCK.)
Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah)
b.p Pegawai Daerah Bandar Baharu
Kedah Darul Aman